



## LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Kami merupakan organisasi pemungut cukai yang terulung sedang mencari individu yang profesional, dinamik, kreatif dan bermotivasi untuk menyertai kami.

TARIKH IKLAN : 30 April 2015

### JAWATAN

- A1 – Pegawai Eksekutif (Pengurusan Risiko Projek) Gred 48 – Kontrak (1 Kekosongan – Ibu Pejabat)**
- A2 – Pegawai Eksekutif (Pengurusan Risiko Kesenambungan Perkhidmatan) Gred 48 – Kontrak (1 Kekosongan – Ibu Pejabat)**
- B1 – Pegawai Eksekutif (Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan) Gred 41 – Kontrak (1 Kekosongan – Ibu Pejabat)**
- B2 – Pegawai Eksekutif (Penaksiran) Gred 41 - Kontrak (17 Kekosongan – Semenanjung, Sarawak, Sabah)**
- B3 – Pegawai Eksekutif (Pentadbiran) Gred 41 – Kontrak (2 Kekosongan – Ibu Pejabat)**
- C1 – Penolong Pegawai Eksekutif (Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan) Gred 31 - Kontrak (1 Kekosongan – Ibu Pejabat)**

### KELAYAKAN MEMOHON

#### A1 / A2

Memiliki Ijazah Sarjana Muda Kepujian yang diiktiraf oleh kerajaan dari institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau luar negara atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;

#### **DAN**

Kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;

#### B1

Memiliki Ijazah Sarjana Muda Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan yang diiktiraf oleh kerajaan dari institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau luar negara atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;

#### **ATAU**

Memiliki Ijazah Sarjana Muda Kepujian yang diiktiraf oleh kerajaan dari institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau luar negara atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;

#### **DAN**

Kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;

#### B2

Memiliki Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Perakaunan / Kewangan / Pentadbiran Perniagaan / Perbankan yang diiktiraf oleh kerajaan dari institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;

#### **ATAU**

Ahli Penuh Badan-Badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan;

#### **DAN**

Kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

#### B3

Memiliki Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Pengurusan Sumber Manusia / Pentadbiran Awam / Pengurusan Perniagaan / Pentadbiran Perniagaan yang diiktiraf oleh kerajaan dari institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;

#### **DAN**

Kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

#### C1

Memiliki Diploma Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan yang diiktiraf oleh kerajaan dari institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau luar negara atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;

#### **ATAU**

Mempunyai Diploma yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;



## LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**Kami merupakan organisasi pemungut cukai yang terulung sedang mencari individu yang profesional, dinamik, kreatif dan bermotivasi untuk menyertai kami.**

### **DAN**

Kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;

**\* Semua pemohon mestilah Warganegara Malaysia yang berumur dalam lingkungan tidak kurang daripada 25 tahun dan tidak melebihi 54 tahun pada tarikh tutup iklan.**

\* Bagi pegawai LHDNM yang sedang berkhidmat secara sambilan adalah layak dipertimbangkan oleh LHDNM untuk memohon jawatan yang diklankan:-

- a) mempunyai kelayakan akademik seperti di atas dan kelayakan tambahan yang diperlukan;

### **KELAYAKAN TAMBAHAN YANG DIPERLUKAN**

#### **A1**

Mempunyai sekurang-kurangnya 5 tahun pengalaman dalam pengurusan risiko projek berlandaskan ISO31000:2009. Berpengetahuan dan memiliki kemahiran dalam pengurusan projek terutamanya projek-projek ICT, Pembangunan Aset dan Fasiliti dan Sumber Manusia / Latihan;

### **DAN**

Memiliki sijil kelayakan profesional dalam bidang berkaitan dari *Project Management Institute (PMI)* atau institusi lain yang diiktiraf setaraf dengannya.

#### **A2**

Mempunyai sekurang-kurangnya 5 tahun pengalaman dalam pengurusan kesinambungan perkhidmatan. Berpengetahuan tentang teknologi dan konsep perkhidmatan, kitaran dan proses;

### **DAN**

Memiliki sijil kelayakan profesional dalam bidang berkaitan dari institusi yang diiktiraf setaraf dengannya.

#### **B1**

Mempunyai sekurang-kurangnya 3 tahun pengalaman dalam keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Berpengalaman dan berpengetahuan yang luas dalam mengendalikan aspek pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan serta mempunyai kemahiran di dalam pelaksanaan manual keselamatan dan kesihatan pekerjaan;

### **DAN**

Memiliki sijil kelayakan profesional dalam bidang berkaitan dari institusi yang diiktiraf setaraf dengannya dan memiliki Buku Hijau yang sah dari Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) merupakan satu kelebihan yang boleh dipertimbangkan.

#### **B3**

Mempunyai sekurang-kurangnya 5 tahun pengalaman dalam pengurusan sumber manusia. Berpengalaman dan berpengetahuan yang luas dalam mengendalikan aspek perancangan tenaga kerja dan laluan kerjaya.

#### **C1**

Mempunyai sekurang-kurangnya 2 tahun pengalaman dalam keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Berpengalaman dan berpengetahuan yang luas dalam mengendalikan aspek pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

### **DAN**

Memiliki sijil kelayakan profesional dalam bidang berkaitan dari institusi yang diiktiraf setaraf dengannya dan memiliki Buku Hijau yang sah dari JKKP merupakan satu kelebihan yang boleh dipertimbangkan.

### **BIDANG TUGAS**

#### **A1**

Memastikan pengurusan risiko projek merupakan satu komponen penting bagi setiap projek yang dilaksanakan oleh atau bagi pihak LHDNM;

Memantau setiap laporan projek dari pemilik risiko mengandungi penilaian pengurusan risiko projek dan menjalankan program kesedaran dan latihan berkaitan risiko projek;

Menentukan kriteria tahap risiko boleh terima dan memantau serta mengkaji tahap risiko bagi memastikan pendedahan kepada risiko projek yang dijalankan oleh LHDNM berada pada tahap yang boleh diterima;

Menghasilkan skala khas dan seragam bagi kebarangkalian dan impak untuk projek-projek utama yang dilaksanakan oleh atau bagi pihak LHDNM; dan

Menyediakan laporan untuk dibentangkan kepada Jawatankuasa Pengurusan Risiko, Pengurusan Atasan, Jawatankuasa Risiko dan Pematuhan dan Lembaga Pengarah.



## LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**Kami merupakan organisasi pemungut cukai yang terulung sedang mencari individu yang profesional, dinamik, kreatif dan bermotivasi untuk menyertai kami.**

### A2

Meningkatkan profil Kesenambungan Perkhidmatan di LHDNM sebagai tanggungjawab yang berterusan dan memastikan maklumat disebarkan kepada kakitangan dengan tujuan menerapkan Pengurusan Kesenambungan Perkhidmatan (PKP) ke dalam aktiviti-aktiviti LHDNM;

Membangunkan templat yang sesuai bagi LHDNM untuk memperincikan langkah-langkah yang diperlukan, memastikan konsistensi dalam program PKP tetapi ianya juga mempunyai fleksibiliti untuk membezakan perkhidmatan yang dijalankan di Ibu Pejabat dan Cawangan;

Membantu Jabatan / Cawangan menyiapkan dokumentasi dari Analisis Impak Perkhidmatan (BIA) untuk membangunkan Pelan Kesenambungan Perkhidmatan dan memberi nasihat dan bantuan sepanjang proses PKP;

Membantu dalam pembangunan rancangan menyeluruh untuk menyokong pelan strategik LHDNM;

Memberi latihan yang bersesuaian kepada pegawai dan menjurus kepada pembangunan latihan korporat untuk mengkaji semula perancangan sedia ada;

Memantau tahap perancangan PKP di Ibu Pejabat / Cawangan dan melaporkan kepada Jawatankuasa Pengurusan Risiko, Pengurusan Atasan, Jawatankuasa Risiko dan Pematuhan dan Lembaga Pengarah; dan

Mengkaji semula program PKP untuk memastikan ia kekal sesuai dengan objektif organisasi dan seterusnya meningkatkan perancangan PKP.

### B1

Melaksanakan aktiviti Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) di LHDNM dengan cekap dan berkesan serta memastikan pelaksanaan dan dasar amalan KKP di LHDNM dipatuhi dan dapat memberi cadangan penambahbaikan secara berterusan;

Bekerjasama dengan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Bomba dan Jabatan Alam Sekitar untuk mematuhi semua Peraturan dan Standard yang berkaitan dengan KKP;

Mengendali dan menyelia pemeriksaan fasiliti dan tempat kerja, analisis bahaya kerja dan penilaian lain untuk mengenalpasti bahaya dan potensi risiko;

Mengendalikan Mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan serta memberi khidmat nasihat kepada Jawatankuasa Kecil Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan;

Mengkaji semula dan menilai amalan-amalan kerja dan persekitaran bagi memastikan pematuhan piawaian keselamatan;

Memberi panduan kepada Jawatankuasa Kecil Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan semasa pemeriksaan di tempat kerja, yang bertujuan untuk memeriksa keberkesanan dan kecekapan langkah-langkah yang diambil adalah mematuhi peruntukan undang-undang; dan

Menyedia dan membenteng laporan lawatan pemeriksaan KKP kepada ahli Jawatankuasa Induk Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan LHDNM.

### B2

Menjalankan aktiviti audit cukai.

Merancang kes untuk lawatan audit luar, membuat analisis penyata akaun dan kewangan pembayar cukai.

Mengadakan lawatan ke premis perniagaan pembayar cukai pada tarikh yang ditetapkan, menemuduga pembayar cukai serta membuat semakan ke atas dokumen kewangan di premis berkenaan dan menyelesaikan kes-kes audit.

Menyemak dan meluluskan taksiran pindaan, pembayaran balik, pemindahan fail, mematkan fail, pengagihan kes dan surat.

Mengendalikan rayuan pembayar cukai berkaitan dengan aktiviti audit cukai.

### B3

Menjalankan dan menyediakan kajian dan menyediakan dasar pemisah (Exit Policy) yang telus serta menepati kehendak kedua-dua belah pihak iaitu pegawai dan juga organisasi dalam tempoh 100 hari bekerja (tertakluk kepada kompleksiti dan capaian maklumat).

Menjalankan dan menyediakan kajian laluan kerjaya (Career Path) yang dapat mendorong modal insan untuk meningkatkan kompetensi dalam tempoh 100 hari bekerja (tertakluk kepada kompleksiti dan capaian maklumat) .

Membangunkan kamus kompetensi kefungisian bagi jabatan-jabatan dan menyediakan dasar dalam tempoh 100 hari bekerja (tertakluk kepada kompleksiti dan capaian maklumat).

Menjalankan semakan semula kajian kepuasan bekerja (Self Satisfaction Survey) tahunan yang baru bagi mengukur tahap kepuasan bekerja pegawai di LHDNM (tertakluk kepada kompleksiti dan capaian maklumat).

Menyediakan laporan dan memantau keberkesanan tindakan ke atas isu-isu yang dibangkitkan susulan dari kajian kepuasan bekerja (Self Satisfaction Survey) serta memastikan penambahbaikan berterusan dilaksanakan setiap suku tahun.



## LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Kami merupakan organisasi pemungut cukai yang terulung sedang mencari individu yang profesional, dinamik, kreatif dan bermotivasi untuk menyertai kami.

### C1

Membantu pemeriksaan fasiliti dan tempat kerja, analisis bahaya kerja dan penilaian lain untuk mengenalpasti bahaya dan potensi risiko;

Membantu menjalankan pemeriksaan, melaporkan hasil pemeriksaan dan mengambil tindakan susulan yang perlu sebagai tindakan pembetulan.;

Membantu mengendalikannya Mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dan membantu dalam khidmat nasihat kepada Jawatankuasa Kecil Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan; dan

Membantu menyediakan laporan lawatan pemeriksaan KKP untuk dibentangkan kepada ahli jawatan kuasa Mesyuarat Jawatan kuasa Induk Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan LHDNM.

### KRITERIA YANG DIPERLUKAN

- ✓ Berdaya saing, asertif, pemikiran kritis, dinamik serta matang.
- ✓ Bertanggungjawab, proaktif, daya inisiatif yang tinggi dan kemahiran interpersonal yang baik.
- ✓ Kebolehan bekerja secara berkumpulan, kemahiran komunikasi yang baik dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris. Berkemahiran dalam bahasa etnik seperti Mandarin, Tamil dan bahasa lain adalah satu kelebihan.

### GAJI

<b>A1 / A2</b>
RM9,042.00
<b>B1 / B2 / B3</b>
RM2,977.00
<b>C1</b>
RM2,198.00

### CARA MEMOHON

#### \*Jawatan

#### A1 / A2 / B1

Pemohonan dari **calon-calon luar LHDNM** (termasuk yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan) hendaklah dibuat secara manual melalui **Borang Permohonan Pekerjaan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM)**.

Borang permohonan boleh diperoleh melalui laman web LHDNM di alamat <http://www.hasil.gov.my> di **ruangan KERJAYA**, klik pada **Borang Permohonan Pekerjaan**. Borang permohonan hendaklah disertakan dengan salinan dokumen-dokumen seperti berikut:

- Sekeping gambar terbaharu berukuran pasport .
- Salinan sijil kelahiran, kad pengenalan dan lain-lain sijil yang berkaitan (Disahkan oleh Pegawai Kerajaan atau Badan Berkanun / Penghulu / Ketua Kampung / Pengerusi JKKK / Pengetua / Guru Besar / Pesuruhjaya Sumpah atau mereka yang diperakui pengesahan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam).

**Borang yang telah lengkap diisi berserta dokumen yang telah disahkan hendaklah dihantar ke alamat seperti berikut:**

**Jabatan Pengurusan Insan  
Ibu Pejabat Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia  
Menara Hasil, Aras 9  
Persiaran Rimba Permai, Cyber 8,  
Peti Surat 11833, 63000 Cyberjaya, Selangor.**

(u.p: Unit Pengambilan & Penempatan)

#### \*Jawatan

#### B2 / B3 / C1

Pemohonan dari **calon-calon luar LHDNM** (termasuk yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan dan pesara LHDNM) dan **calon-calon pegawai LHDNM yang masih berkhidmat** (bertaraf sambilan) hendaklah dibuat melalui URL. <https://career.hasil.gov.my/>

**Semua permohonan tidak perlu dicetak/di pos ke LHDNM.**



## LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Kami merupakan organisasi pemungut cukai yang terulung sedang mencari individu yang profesional, dinamik, kreatif dan bermotivasi untuk menyertai kami.

### MAKLUMAT TEMU DUGA

Nama calon-calon yang berjaya dipanggil menghadiri temu duga **akan dimaklumkan melalui:-**

\* Paparan di Laman Web Rasmi LHDNM (ruangan "Kerjaya");

Pemohon juga dinasihatkan sentiasa menyemak Laman Sesawang Rasmi LHDNM untuk mengetahui sebarang perkembangan maklumat terkini berhubung tawaran jawatan berkenaan.

### TARIKH TUTUP PERMOHONAN

**13 Mei 2015**

### NOTA

- Hanya calon-calon yang mempunyai kelayakan dan kriteria seperti di atas dan juga telah ditapis sahaja akan dipanggil untuk temu duga.
- Pemohon **dikehendaki mendapatkan surat pengiktirafan kelayakan** berkenaan dari Unit Pengiktirafan, Bahagian Pembangunan Modal Insan, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA) atau melalui laman <http://www.interactive.jpa.gov.my/webinteraktif/frmMainIktiraf.asp>
- Calon-calon yang tidak dihubungi dalam tempoh enam (6) bulan daripada tarikh tutup iklan, adalah dianggap tidak berjaya.
- Sebarang pertanyaan boleh menghubungi nombor berikut :

**Unit Pengambilan dan Penempatan di talian :**

03-8313 8888 *sambungan* 20924, 20926, 20976, 20977, 20978, 20979, 20980, 20981 dan 20989,